

## **UEM Edgenta Cebur Penerokaan Akademik dalam Penjagaan Kesihatan Digital, Tandatangani Memorandum Persefahaman dengan UiTM**

**KUALA LUMPUR, 9 Disember** – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) melalui anak syarikat milikan penuhnya Edgenta Healthtronics Sdn Bhd (“EHSB”), telah memeterai Memorandum Persefahaman (“MoU”) dengan Universiti Teknologi MARA (“UiTM”) untuk bekerjasama dalam penerokaan akademik, operasi berkaitan penjagaan kesihatan yang merangkumi perniagaan klinikal, penerokaan saintifik dan penyelidikan dalam penjagaan kesihatan digital.

Jalinan kerjasama tersebut memberi tumpuan kepada mempromosikan dan menggalakkan inovasi dalam penjagaan kesihatan digital; khususnya dalam pembangunan dan penggunaan teknologi untuk menambah baik latihan, meningkatkan kecekapan operasi dan hasil klinikal di Hospital UiTM dan klinik dengan memanfaatkan sokongan penjagaan kesihatan mampan dan ekosistem digital UEM Edgenta.

Kerjasama tersebut telah dirasmikan semasa Majlis Pertukaran MoU yang berlangsung pada hari ini dan turut dihadiri oleh Dr. Nik Fawaz Nik Abdul Aziz, Ketua Penyelesaian Penjagaan Kesihatan, UEM Edgenta dan Professor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA bersama Professor Dr. Sazzli Shahlan Kasim, Pengarah Hospital UiTM.

Dr. Nik Fawaz Nik Abdul Aziz mengulas, “Kami teruja untuk mengorak langkah penting ini yang menyediakan peluang kepada UEM Edgenta dan UiTM untuk mengenal pasti, merancang dan melaksanakan usaha di mana penggunaan teknologi boleh digunakan dalam memastikan penjagaan kesihatan yang lebih baik. Usaha ini bukan sahaja akan membantu dalam memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua pihak tetapi juga untuk memupuk usaha siap siaga tenaga kerja digital dan bersedia pada masa hadapan untuk mendukung ekonomi digital Malaysia.”

“Memandangkan dorongan untuk pendigitalan akan terus meningkat pada tahun-tahun akan datang, MoU ini akan memberi pendedahan kepada aset terbesar UiTM – sumber manusia kami. Kami sedang membina haluan baharu di antara UiTM dan EHSB bagi mempercepatkan usaha pendigitalan di hospital dan klinik kami. Kami bersyukur kerana menjadi sebahagian daripada langkah ini terutamanya dalam bekerjasama rapat dengan EHSB dalam inisiatif yang akan datang dan juga menyumbang ke arah usaha pembinaan negara,” kata Profesor Dr. Sazzli Shahlan Kasim.

Melalui perkongsian strategik ini, kedua-dua pihak akan mengadakan perbincangan dalam tempoh 12 bulan akan datang yang memfokuskan kepada perkongsian inovasi untuk meneroka peluang dalam penjagaan kesihatan digital di pusat-pusat pendidikan perubatan termasuk di Sungai Buloh, Selayang dan Puncak Alam.

-Tamat-

**Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.